

## SunCon catat PATMI RM33.5 juta bagi suku ketiga

Tarikh kemaskini: 19/11/2019

KUALA LUMPUR, 19 Nov -- Sunway Construction Group Bhd (SunCon) mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATMI) berjumlah RM33.5 juta bagi suku ketiga yang berakhir 30 Sept, 2019 berbanding RM36.4 juta yang direkodkan pada tempoh sama tahun lepas.

Perolehan menyusut kepada RM402.6 juta daripada RM557.3 juta sebelum ini, kata syarikat itu dalam kenyataan hari ini.

"Syarikat berkenaan telah melepasi sasaran pihak pengurusan iaitu RM1.5 bilion bagi nilai perolehan baharu diraih dengan jumlah pemerolehan projek berjumlah RM1.73 bilion setakat 30 Sept, 2019.

"Baki nilai perolehan kontrak berjumlah RM5.6 bilion setakat 30 Sept, 2019," katanya.

Pengarah Urusan Kumpulan Chung Soo Kiong berkata nilai perolehan kontrak yang kukuh itu akan menyokong syarikat itu bagi tempoh tiga hingga empat tahun lagi.

"Sementara menunggu kajian semula projek-projek tempatan, kami akan terus membida projek di peringkat dalaman daripada Sunway Bhd dan meneruskan hasrat untuk berkembang ke rantau ASEAN.

"Tanpa mengambil kira perkara luar jangka, kami menjangka dapat memberikan prestasi yang memuaskan bagi suku terakhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata SunCon mempunyai sebanyak RM7.4 bilion tender aktif dan menjangka projek di Myanmar dan India akan diperolehi pada separuh pertama 2020.

-- BERNAMA